

KUALA LUMPUR, 28 JUN (BERNAMA) — DATUK SERY DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYATAKAN RASA BIMBANGNYA TENTANG WUJUDNYA GOLONGAN TERTENTU DI KALANGAN PARA PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI, YANG DOKATAKAN SENTIASA MENANAMKAN SEMANGAT REVOLUSI DI KALANGAN RAKAN-RAKAN MEREKA.

KATANYA, KEGIATAN GOLONGAN INI HARUS DISEKAT KERANA APABILA MEREKA KEMBALI KE TANAH AIR KELAK; MEREKA SUDAH PASTI MERUPAKAN ANCAMAN KEPADA KESELAMATAN NEGARA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN KHUSUSNYA KEMENTERIAN DALAM NEGERI SEDANG MEMERHATIKAN KEGIATAN MEREKA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGGULUNG PERBAHASAN DI AKHIR PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-23 DI SINI ATAS SIFATNYA SEBAGAI PRESIDEN BARU PARTI ITU.

BELIAU BERKATA LANGKAH-LANGKAH TERTENTU JUGA SEDANG DIAMBIL UNTUK MENGELAKKAN PARA PELAJAR LAIN DARIPADA DIPENGARUH OLEH KEGIATAN GOLONGAN BERKENAAN. — BERSAMBUNG 2018/MK

B611

MAHATHIR - REVOLUSI 2 KUALA LUMPUR

SALAH SATU USAHA KE ARAH INI TALAH DENGAN MENUBUHKAN KELAB-KELAB UMNO DI LUAR NEGERI.

SETAKAT INI SEBANYAK LIMA BUAH KELAB UMNO TELAH DITUBUHKAN DI UNITED KINGDOM.

DUA BUAH LAGI DIRANCANG DITUBUHKAN DI PAKISTAN DAN DI KAHERAH.

BELIAU MEMUJI LANGKAH YANG DIJALANKAN OLEH BEBERAPA ORANG TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG ATAS INISIATIF MEREKA SENDIRI TELAH BERSUSAH PAYAH MENGEMBNGKAN PENGARUH UMNO DI SEBERANG LAUT.

MENGENAI KEMAJUAN UMNO, BELIAU BERKATA PERLETAKAN BATU ASAS KOMPLEKS UMNO BARU-BARU INI MERUPAKAN SALAH SATU DARI KEJAYAAN YANG HARUS DIBANGGAKAN.

BELIAU BERKATA PERJUANGAN UMNO MENDAPAT SIMPATI DARI KESELURUHAN MASYARAKAT MELAYU. INI TERBUKTI DENGAN BANYAKNYA SUMBANGAN YANG DIDERMAKAN UNTUK PROJEK TERSEBUT OLEH ORANG-ORANG MELAYU YANG TIDAK MELIBATKAN DIRI MEREKA DALAM UMNO SECARA LANGSUNG.

DATUK SERI. DR. MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI JAWATANKUASA PUN-GUTAN DERMA TABUNG BANGUNAN TERSEBUT MENGUMUMKAN BAHAWA SEBANYAK \$24 JUTA RINGGIT TELAH DIPUNGUT SETAKAT INI. — BERSAMBUNG 2034/MK

MAHATHIR-REVOLUSI 3 KUALA LUMPUR

IN I TERMASUK SUMBANGAN \$1 JUTA DARI UMNO PERAK, \$1.2 JUTA DARI UMNO JOHOR DAN \$2.3 JUTA DARI BERJAYA SABAH.

SEORANG USAHAWAN MELAYU TELAH JUGA MENDERMAKAN SEBANYAK SEJUTA SAHAM KEPUNYAANNYA YANG KINI BERNILAI HAMPIR \$9.2 JUTA.

DI SAMPING ITU, BEBERAPA ORANG AHLI PERNIAGAAN MELAYU YANG LAIN TELAH JUGA BERIKRAR UNTUK MENYUMBANGKAN ANTARA \$500,000 HINGGA \$600,000 TIAP-TIAP SEORANG.

TERDAHULU, KETIKA MENJAWAB HUJAH-HUJAH YANG DITIMBULKAN DALAM PERBAHASAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MEMPERTAHAKAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN YANG KEBANYAKANNYA MEMPUNYAI DEDIKASI.

KATANYA, CUMA SEGEL INTIR PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN SAHAJA YANG TIDAK MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA SEBAGAI YANG DIHARAPKAN.

+RAMA I PEGAWAI KERAJAAN SANGAT BERSIMPATI DENGAN PERJUANGAN UMNO SEHINGGAKAN SIKAP MEREKA ADA: AH LEBIH UMNO DARI SETENGAH-SETENGAH AHLI UMNO,+ KATANYA. — BERNAMA 2045/HM